

12/06/1999

Shahnon munasabahkan yang tidak munasabah

Salbiah Ani

NOVEL Shit yang menimbulkan kegemparan sehingga berjaya dijual 130,000 naskhah dalam tempoh tiga bulan, tidak boleh dinilai secara berasingan daripada beberapa karya terdahulu pengarang itu.

Penilaian sedemikian akan membolehkan khalayak mengesan rentak bahasa dan keperibadian pengarang dalam karya kreatif selain bersifat terbuka terhadap teks berkenaan.

Antara beberapa karya terdahulu Sasterawan Negara, Prof Emeritus Datuk Dr Shahnon Ahmad, yang sewajarnya turut dipertimbangkan dalam menilai Shit ialah Ranjau Sepanjang Jalan, Seluang Menodak Baung, Tivi dan Sutan Baginda.

Dalam keempat-empat novel itu selain Shit dapat dikesan usaha Shahnon memperalatkan unsur membesar-besarkan sesuatu perkara atau sengaja mengada-adakan sesuatu atau menggambarkan tingkah laku seburuk-buruknya.

Karyawan Tamu di Jabatan Pengajian Media (JPM), Universiti Malaya (UM), Prof Madya Dr Syed Othman Syed Omar, berkata demikian pada pertemuan dengan Sastera dan Budaya di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

"Peristiwa Lahuma yang terkena duri nibung sehingga nanahnya bercupak-cupak dan akhirnya menjadi penyakit busung dalam Ranjau Sepanjang Jalan umpamanya adalah tidak masuk akal," katanya.

Begitu juga dalam Sutan Baginda Shahnon memaparkan perkara yang tidak masuk akal tetapi mempesonakan khalayak sastera apabila pengarang menggambarkan ahli politik yang hidup serba sempurna tiba-tiba menjadi gila.

"Lazimnya orang teraniaya cenderung untuk menjadi sasau tetapi dalam Sutan Baginda, Shahnon menggilakan tokoh serba sempurna dengan maksud gila politik," katanya.

Lewat Tivi, Shahnon turut menggunakan pendekatan membesar-besarkan apabila menggambarkan Chah, anak yang bekerja di bandar berzina dengan ayah sendiri selepas membawa pulang televisyen ke rumahnya di kampung.

Peristiwa sedemikian disifatkan tidak masuk akal kerana televisyen tidak menjadi hal kepada rakyat Malaysia memandangkan sebahagian besar masyarakat negara ini kini menjadikannya sebagai suatu kemestian di rumah.

Dalam Shit, Shahnon turut membesar-besarkan tahi sehingga menjadi amat luar biasa tetapi tidak pula menyebut siapa sebenarnya tokoh yang digambarkan hendak buang air besar.

Justeru `tahi' dalam Shit bagi Dr Syed Othman yang lebih dikenali sebagai S Othman Kelantan membawa dua makna iaitu objek realiti manakala `thaik', `taik' dan `thait' pula adalah jenis abstrak.

"Sebab itu seluruh novel Shahnon menggunakan bahasa yang membesar-besarkan sesuatu sehingga objek yang tidak munasabah pada akal biasa manusia tetapi Shahnon boleh memunasabahkannya," ujarnya.

S Othman menjelaskan dalam Shit, Shahnon gagal mencipta latar yang lengkap sehingga tidak menampilkan tokoh yang hendak buang air besar meskipun ia watak utama dalam pengkisahannya.

"Berkemungkinan Shahnon tergesa-gesa atau tidak teliti ketika menulis Shit sehingga lupa membuat latar berkenaan dan terus menyebut dalam usus dan tidak menyebut tuan yang empunya usus," katanya.

Langkah Shahnon memperalatkan makna abstrak dalam tulisannya itu menyebabkan khalayak terpukau dan kagum dengan Shit dan sambutan sedemikian turut diberikan kepada Ranjau Sepanjang Jalan ketika mula berada di pasaran.

"Saya, ketika pertama kali membaca Ranjau Sepanjang Jalan amat mengaguminya tetapi dalam pembacaan semula kemudiannya berubah menjadi ragu-ragu dan akhirnya menolak kerana tidak masuk akal langsung," jelasnya.

Mereka yang mengikuti perkembangan penulisan kreatif tokoh pengarang itu dikatakan akan dapat mengesan Shahnnon sebagai sasterawan yang menulis berdasarkan isu.

Seluang Menodak Baung umpamanya dihasilkan berdasarkan isu Baling, Ranjau Sepanjang Jalan dan Rentung (petani), Tok Guru dan Umi & Abang Syeikul (al-Arqam) manakala Detik-Detik Dari Daerah Daif (permasalahan kampung dan disifatkan lebih daripada mencarut).

Persoalan sama ada Shit boleh dimasukkan dalam kategori karya satira atau sebaliknya baik ditinjau maksud istilah berkenaan yang dipinjam daripada bahasa Inggeris iaitu satire.

Kalimat satire asalnya daripada bahasa Latin, *satira*, kemudian diucapkan sebagai *satyra* dan di England pada abad ke-16 kalimat itu ditulis sebagai *satyre*, yang akhirnya menjadi *satire*.

"Satyr dalam bahasa Greek merujuk kepada sejenis makhluk jin yang berbentuk separuh manusia dan separuh kambing, membawa makna manusia berperangai binatang dan binatang pula dimanusiakan," katanya.

Jadi satira boleh ditafsirkan sebagai karya kreatif yang mengandungi pemikiran mengenai pelbagai ragam kehidupan manusia dan ditulis dengan cara yang halus dan tajam.

Ia boleh bersifat sindiran, ejekan atau sendaan yang menimbulkan ketawa dan kesedaran di kalangan manusia tentang kebodohan, penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, ketamakan dan kehalobaan, kesombongan dan kesalahan fahaman dan fikiran sesuatu golongan masyarakat, bangsa dan negara.

Dalam bahasa Inggeris di antara unsur satira ialah humour, wit, sarcasm, cynicism, lampoon, irony, invective, burlesque, parody, mockery, raillery, exaggeration, understatement dan epigram.

Unsur satira dalam bahasa Melayu dimasukkan sindiran, ejekan, tempelakan, celaan, cemuhan, kiasan, sendaan, olok-olokan, perli, kejian, bantaian, hentaman, godaman, gasakan, belasahan, kecaman, selaran, menggiat dan mengherdik.

Menurutnya, istilah satira secara praktisnya dipopularkan Quintilian, penulis Roman yang terkenal dan tokoh penyair satira terbilang zaman keagungan Roman ialah Horace dan Juvenal.

Horace dikenali sebagai penyair satira yang memberi tumpuan kepada manusia kota dan wataknya lebih banyak ketawa daripada meluahkan perasaan lalu karyanya digolongkan sebagai satira komidi.

Juvenal pula menulis watak terhormat, mempunyai kelakuan terpuji yang disebut upright man, ngeri melihat keadaan masyarakat bobrok oleh rasuah dan maksiat lalu karyanya dikelaskan sebagai satira tragedi.

"Dalam sastera Melayu kisah pertikaman Hang Tuah dengan Hang Jebat adalah unsur satira yang kuat dan boleh dimasukkan dalam satira tragedi kerana Jebat membela orang teraniaya," ujarnya.

Bagaimanapun satira di kalangan orang Melayu sudah bermula dari cerita lisan dan binatang manakala dalam hikayat bermula dari Sejarah Melayu, Hikayat Merong Mahawangsa, Si Tenggang, Mat Jenin dan Pak Kadok.

Antara novel Melayu sebelum perang yang mempunyai unsur satira adalah Putera Gunung Tahan, Anak Mat Lela Gila karya Ishak Muhammad (Pak Sako) dan Sebelas Rajab, Melati Kota Bharu, Acuman Mahkota (Kadir Adabi).

Novel Melayu selepas perang yang mempunyai unsur satira antaranya ialah Tikus Rahmat karya Hassan Ibrahim, Sidang Serangga (Pak Sako), Menteri dan Shit (Shahnnon).

Shit dikatakan boleh dimasukkan ke dalam kategori satira Horace mahupun Juvenal kerana tidak banyak pertuturan tetapi banyak dihidupkan dengan

ketawa dan perbuatan, Wirawan pula meskipun tidak dimatikan tetapi disingkirkan.

Dr Syed Othman mengingatkan khalayak agar tidak terlalu mudah menuding jari PM dalam Shit sebagai Perdana Menteri kerana pasti seluruh rakyat tidak dapat menolak hakikat pembangunan yang dirasai di bawah pemerintahan semasa.

Apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengambil keputusan tidak mengharamkan Shit baginya menunjukkan bahawa pemerintah Malaysia tidak seperti yang dibayangkan dalam novel berkenaan.

Mereka yang menyarankan supaya Shit diharamkan sebenarnya menunjukkan perdirian masing-masing terhadap kerajaan Malaysia sama seperti dalam Shit sehingga berada dalam keadaan siapa makan cili dia terasa pedas!.

Justeru Shit sewajarnya diterima sebagai sebuah karya kreatif meskipun kandungannya mengkritik masyarakat tetapi sebagai ahli masyarakat, mereka tidak boleh menggelabah.

"Shahnon dalam Shit tidak menyebut nama dan PM digunakan bagi merujuk Pu..Mak dan ia tidak semestinya merujuk kepada Prime Minister kerana jika ini yang dimaksudkan pastinya akan diterjemahkan sebagai Menteri Perdana.

"PM hanya merujuk kepada Pu..Mak. Dalam konteks Shit PM adalah lambang kuasa dan apabila ia dilihat dalam konteks ini maka ia memberi banyak makna. Di sinilah adanya ambiguiti dalam bahasa," ujarinya.

Justeru PM boleh ditafsirkan sebagai ketua dalam sebuah rumah tangga iaitu suami berkuasa dan enggan mendengar pandangan tetapi akhirnya rumah tangganya hancur disebabkan sikapnya itu.

PM juga boleh ditafsirkan sebagai yang dipertua atau presiden sesebuah persatuan yang mahu mengekalkan kedudukannya dan enggan menerima teguran orang dibawah pimpinannya.

Ia boleh diterjemahkan sebagai pegawai dalam masyarakat, ketua dalam pejabat, syarikat atau sesebuah parti politik dan kejadian penyingkiran seseorang tokoh dalam `organisasi' sedemikian biasa berlaku.

Malahan, Shahnon berkemungkinan juga merujuk kepada politik di institusi pengajian tinggi (IPT) seperti naib canselor yang enggan menerima cadangan mahupun teguran selain berusaha mengekalkan kedudukan masing-masing.

PM juga boleh ditafsirkan sebagai Amerika Syarikat dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang bertindak menurut telunjuk sendiri dan menghalal semua serangannya ke atas negara lain.

Dalam politik tanah air umpamanya, penyingkiran pemimpin politik berulang dan justeru amat tidak wajar menghadkan huraian Shit sebagai merujuk kepada kepimpinan sedia ada.

Dr Mahathir dan Aziz Ishak sendiri pernah disingkirkan dalam pemerintahan Tunku Abdul Rahman, Ghafar Baba (Allahyarham Tun Abdul Razak), Datuk Harun Idris (Allahyarham Tun Hussein Onn).

"Kenapa apabila Dr Mahathir menyingkirkan Anwar tindakannya dikatakan buruk sedangkan pemimpin lain sudah melakukannya sebelum ini dan tindakan sedemikian turut berlaku dalam kepimpinan parti pembangkang atau kerajaan walau di manapun juga," ujarinya.

Aspek mencarut dalam Shit pula perlu dilihat dari segi konteks masyarakat yang dipaparkan kerana gaya bahasa sedemikian sememangnya lumrah di kalangan sesetengah anggota masyarakat kita.

Bagi sesetengah pihak umpamanya perkataan mampus sudah kasar tetapi tidak demikian bagi seniman agung, Allahyarham P Ramlee, yang menggunakan perkataan itu secara kerap baik dalam filem mahupun lagunya.

Sejajar dengan hasrat Shahnon memaparkan kebobrokan masyarakat maka tentu tidak sesuai untuk beliau menggunakan gaya bahasa yang halus bagi penceritaannya kerana bertentangan dengan situasi kebusukan.

Shahnon dalam novelnya Al-Syiqaq dan Ranjau Sepanjang Jalan umpamanya tidak menggunakan bahasa yang kasar kerana pengarangnya menggambarkan

kehidupan masyarakat petani.

Malahan sesetengah media massa kini turut menggunakan bahasa yang kasar seperti merujuk agung, raja malahan nabi Muhammad SAW sebagai beliau sedangkan bahasa beradapnya ialah baginda.

S Othman menjelaskan penggunaan gaya bahasa mencarut sudah dilakukan beberapa pengarang Melayu sebelum merdeka lagi seperti Pak Sako dalam Anak Mat Lela Gila.

Ketika mengerjakan kebun umpamanya Mat Lela mengukir kayu berbentuk kemaluan lelaki dan diberikan kepada kanak-kanak sehingga apabila pulang ke rumah mereka dimarahi ibu masing-masing.

"Bagaimanapun Pak Sako dalam Anak Mat Lela Gila sebenarnya mahu menyindir masyarakat Melayu zaman itu yang tidak malu dan sanggup berada di bawah penjajahan Inggeris," ujarnya.

(END)